

# AGAMA ITU NASIHAT

## DIDIKAN AKHLAK (6)

Dalam bilangan yang lalu telah diterangkan kedudukan akal dan hawa nafsu dalam diri manusia dan bagaimana tarikan keduanya kepada aliran masing-masing. Pada satu ketika akal kalah dan hawa nafsu menang. Ketika lain lagi akal menang dan hawa nafsu kalah dan pada masa yang lain pula seri yakni seketika hawa nafsu menang dan seketika pula akal yang menang. Sekarang saya akan terangkan bagaimana langkah kita terhadap dua aliran rohani itu.

Telah maklum bahawa akal itu sentiasa memimpin manusia kepada kemuliaan, kebahagiaan dan keselamatan. Oleh itu sekiranya kita hendak menjadi manusia yang berakal sihat dan waras hendaklah kita ikut segala alirannya kerana aliran itu sentiasa memandangi dan memilih mana yang lebih utama dan bahagia akhirnya kelak, sekalipun pada awal dan permulannya nampak berat dan susah atas dirinya.

Aliran hawa nafsu pula menjadi sebalik daripada aliran akal. Alirannya sentiasa hendak mempengaruhi aliran akal, supaya tersesat daripada jalan yang benar dan masuk ke tempat kesengsaraan dan kehinaan. Oleh itu walaupun pada zahirnya nampak indah, bagus dan ringan atas diri hendaklah sedapat-dapatnya dijauhkan dan jangan diikuti dan akibatnya membawa kepada kehinaan, kecelakaan dan kebinasaan.

Dalam diri manusia itu banyak alat-alat atau kejadian-kejadian yang timbul disebabkan pekerjaan rohani. Jika rohani itu bekerja dalam anggota, bukan tidur, nescaya timbulah ketika itu beberapa pekerjaan:

- (1) terlintas suatu urusan dalam fikirannya,
- (2) terbayang atau terkenang
- (3) teringat
- (4) berkemahuan, dan
- (5) mengambil keputusan: mara atau mundur, bekerja atau tidak.

Jika seseorang terlintas di dalam fikirannya sesuatu perkara atau amal biasanya terus terbayang-bayang atau terkenang lalu teringat kemudian timbul lah kemahuannya, akhirnya ia mengambil keputusan bagi mengerjakannya.

Jika perkara atau amal itu baik hendaklah ia memutuskan untuk mengerjakannya tetapi kalau sebaliknya yakni tak baik biarlah sampai pada tingkat yang ketiga sahaja jangan di teruskan pada yang keempat dan kelima. Dengan ini seseorang dapat membuang sedikit demi sedikit segala kemahuannya yang jahat hingga tak berbuat menjadi amal. Tentang ini Al-Hassan berkata: "Mudah-mudahan Allah rahmati seorang hamba yang berhenti pada kemahuannya. Iaitu jika kemahuannya kerana Allah Azza Wajalla terus dikerjakannya dan kalau bukan terus ditinggalkannya."

Supaya kita jangan tercebur kepada tempat kesengsaraan dan mudah tertipu oleh pujukan hawa nafsu walaupun pada zahirnya nampak indah dan bagus. Nabi kita ada menyatakan dalam sabdanya maksudnya "syurga itu diliputi dengan barang-barang yang tidak disukai; dan neraka itu diliputi dengan kesukaan"- hadith sahih riwayat Ahmad Muslim dan Tirmizi.

Hadith ini sesungguhnya setuju benar dengan keadaan dan kejadian. Sembahyang, puasa, zakat, berjihad, walhasil segala kewajipan yang diperintahkan Tuhan itu adalah amal-amal yang tidak disukai oleh hawa nafsu mengerjakannya- sedang syurga yang sekalian orang ingin masuk ke dalamnya itu diliputi oleh semua kewajipan itu. Demikianlah segala sesuatu yang akhirnya kelak membawa kepada keselamatan diri pada zahirnya biasanya nampak berat susah dan tak disukai oleh hawa nafsu mengerjakannya sebaliknya perbuatan-perbuatan jahat, biasanya sangat-sangat digemari oleh hawa

nafsu mengerjakannya. Sekalipun akhirnya kelak membawa kecelekaan dan kebinasaan kerana pada zahirnya nampak sentiasa indah dan bagusnya.

Oleh itu apabila ada dua aliran itu dalam jiwa kita dan tidak diketahui yang manakah dari antara kedua itu yang lebih benar; yang satu sangat disukai oleh hawa nafsu yang nampaknya bagus dan indah dan yang satu lagi disukai oleh akal tetapi pelik dan susah nampaknya. Sekiranya kedua-dua aliran itu sama kuat dan teguh suka menimbulkan perjuangan jiwa dan perselisihan yang hebat akhirnya keduanya itu bertahkim kepada kekuatan pengatur yang ada dalam dirinya. Ketika itulah tiba dua pembela—satu dari Tuhan dan satu lagi dari syaitan. Pembela dari Tuhan itu membawa penerangan dan nur; ia datang membela aliran akal dan pembela yang datangnya dari syaitan membawa gangguan dan bisikan-bisikan jahat, ia membela dan memperteguh kehendak dan aliran hawa nafsu itu. Ringkasnya nur Allah membela aliran akal, dan gangguan syaitan itu menolong kehendak hawa nafsu.

Kalau kekuatan pengaruh yang ada dalam diri manusia itu terpengaruh dengan pembela syaitan tadi, baginya gelaplah nur Allah yang datang kepada akal lalu dibenarkannya segala aliran yang timbul dari hawa nafsu yang telah diperteguh oleh gangguan syaitan itu, akhirnya manusia itu terceburlah kejurang kehinaan dan kesengsaraan yang tak mudah dapat diselamatkan. Tetapi kalau perbuatan pengatur itu dari golongan Allah nescaya dapatlah ia pertunjuk Tuhan, ia akan meninggalkan aliran hawa nafsu dan menanggukkan kehendak akal sehingga tercipta menjadi amal yang baik dan memberi manfaat.

Satu isyarat dalam Al-Quran, Tuhan memperingati hamba-hamba supaya sedar dan tahu manakah dua aliran yang patut diikut itu, firmanNya (maksudnya): "Allah itulah pengurus bagi orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka



*Perayaan talka menyambut hari Pedrisha di rumah UMNO Johor Baharu.*

*Dalam gambar ini isteri A. Saadun bin Haji Zubir sedang duduk melayan orang "main menikam"- di dalam perayaan itu—Gambar Qalam*

dari kegelapan kepada cahaya. Orang-orang yang kafir itu pengurusnya ialah apa-apa yang melampaui batas. Semua itu mengeluarkan daripada cahaya kepada kegelapan, mereka itu ahli neraka; mereka itu akan kekal padanya"- Al-quran al-Baqarah ayat 257. Karangan Muhammad Ali, dipetik daripada majalah Al-Lisan. (Bersambung)

---

Telah Siap!

Cetak yang Kedua!

## **INQADARA**

Buku ini telah lama habis dan sekarang telah dicetak bagi kali yang kedua. Di dalamnya mengupas hal kerosakan masyarakat atau pergaulan bangsa kita samada bahagian dunia atau bahagian agama. Senaskah \$1.00- pos 10 sen.